



MAHASISWA pengajian program Pemasaran Antarabangsa UMS-KAL yang bergambar selepas menghadiri 'Seminar Isu-Isu Semasa Dalam Pemasaran' di Labuan, baru-baru ini.

Seminar pemasaran tingkat keyakinan mahasiswa

ur 6/4/2011 / 26

LABUAN 5 April - Seramai 97 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), menghadiri Seminar Isu-Isu Semasa Dalam Pemasaran yang diadakan di universiti tersebut, 29 Mac lalu.

Pada majlis itu, seramai 24 pelajar dipilih untuk membentangkan hasil kajian masing-masing berhubung permasalahan yang berlaku dalam pemasaran.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Pen-

syarah Jabatan Perniagaan dan Kewangan UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki.

Norazah berkata, penganjuran seminar tersebut bertujuan meningkatkan kefahaman dan kualiti kajian akademik, khasnya buat pelajar yang mengikuti pengajian pemasaran.

Katanya, seminar seumpama itu boleh dijadikan saluran kepada pelajar untuk me-

nyatakan pandangan mereka berhubung pelbagai isu semasa yang berlaku di pasaran antarabangsa, di samping mengaplikasikan kaedah kajian bagi menempuh alam kerjaya pada masa depan.

Selain itu katanya, aktiviti tersebut juga membantu menyemai semangat kerjasama berpasukan di kalangan mahasiswa dan melatih golongan pelajar untuk memantapkan kemahiran komunikasi apabila diberi pe-

luang membentangkan cadangan.

"Melalui seminar ini juga, pelajar dide-
dahkan dengan kaedah kajian yang dipelajari sebelum ini menerusi proses mengumpulkan data dan maklumat daripada sumber yang diperolehi," katanya di sini baru-baru ini.

Seminar dua jam itu bermula pada pukul 10 pagi dan dihadiri oleh pelajar tahun akhir program Pemasaran Antarabangsa (HE21) universiti itu.